

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “POWERINVEST FIXED DEPOSIT”

Kempen “PowerInvest Fixed Deposit” (“Kempen”) ini dilancarkan bersama-sama oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran 197301001433 [14328-V] (“PIBB”) (secara kolektif dikenali sebagai “Bank”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini.

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 September 2022 hingga 31 Disember 2022** [termasuk kedua-dua tarikh tersebut, atau tarikh lain seperti yang ditentukan oleh Bank (“Tempoh Kempen”)].

2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada peserta yang berikut (“Peserta yang Layak”):
 - a) individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan (pemegang akaun peribadi atau bersama termasuk akaun bagi pihak PBB dan/atau PIBB) termasuk bukan pemastautin; dan
 - b) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.
- 2.2 Untuk akaun bagi pihak, Peserta yang Layak adalah ibu atau bapa / penjaga yang sah dalam akaun berkenaan dalam rekod PBB/PIBB.
- 2.3 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB dan PIBB di Malaysia.
- 2.4 Mereka yang berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Bank Berhad;
 - b) orang yang atau menjadi tidak waras;
 - c) orang yang telah diisytiharkan bankrap atau mempunyai prosiding guaman dalam apa jua bentuk terhadapnya; dan
 - d) orang yang akaunnya yang dipegang dengan PBB dan/atau PIBB culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Mekanisme Kempen

3.1 Produk yang Layak merujuk kepada berikut:

- a) Dana Unit Amanah (“UA”) Ekuiti / Berimbang / Aset Campuran Siri PB (“Dana yang Layak”); atau
- b) PB Smart Link / PB Smart Elite (Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan Premium Tunggal) (“Insurans”) yang ditaja jamin oleh AIA Berhad; atau
- c) PB Excellink-i (Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan Caruman Tunggal yang Patuh Syariah) (“Takaful”) yang ditaja jamin oleh AIA PUBLIC Takaful Berhad.

3.2 Semasa Tempoh Kempen, Peserta yang Layak layak untuk mendapat kadar faedah / keuntungan promosi bagi peletakan deposit mereka di bawah Deposit Tetap PLUS (Konvensional) (“FD PLUS”) atau Deposit Bertempoh-i (Islam) (“DB-i”) seperti yang dinyatakan dalam **Jadual A** sekiranya mereka memenuhi semua kriteria yang berikut:

- a) mereka meletakkan deposit minimum sebanyak RM10,000 di bawah FD PLUS atau DB-i; dan
- b) mereka berjaya melabur / membeli / mencarum apa-apa Produk yang Layak dengan amaun pelaburan minimum seperti yang dinyatakan dalam **Jadual B**.

Peserta yang Layak dikehendaki melabur / membeli / mencarum apa-apa Produk yang Layak terlebih dahulu sebelum membuat peletakan deposit. Peletakan deposit mesti dibuat dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh pelaburan / pembelian / pencaruman Produk yang Layak. Pelaburan / Pembelian / Pencaruman Produk yang Layak dan peletakan deposit mesti dibuat di cawangan yang sama.

Jadual A

Untuk Tempoh Kempen dari 1 September 2022 hingga 25 Oktober 2022:

Amaun FD PLUS / DB-i (RM)	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)			
	Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (2 : 1)		Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (5 : 1)	
	Tempoh 3 Bulan	Tempoh 8 Bulan	Tempoh 3 Bulan	Tempoh 8 Bulan
10,000 hingga kurang daripada 300,000	3.80	2.90	8.20	4.55
300,000 dan ke atas	4.60	3.20	12.20	6.05

Untuk Tempoh Kempen dari 26 Oktober 2022 hingga 7 November 2022:

Amaun FD PLUS / DB-i (RM)	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)			
	Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (2 : 1)		Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (5 : 1)	
	Tempoh 3 Bulan	Tempoh 8 Bulan	Tempoh 3 Bulan	Tempoh 8 Bulan
10,000 hingga kurang daripada 300,000	3.95	3.30	8.35	4.95
300,000 dan ke atas	4.75	3.60	12.35	6.45

Untuk Tempoh Kempen dari 8 November 2022 hingga 27 November 2022:

Amaun FD PLUS / DB-i (RM)	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)			
	Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (2 : 1)		Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (5 : 1)	
	Tempoh 3 Bulan	Tempoh 8 Bulan	Tempoh 3 Bulan	Tempoh 8 Bulan
10,000 hingga kurang daripada 300,000	4.25	3.80	8.65	5.45
300,000 dan ke atas	5.05	4.10	12.65	6.95

Untuk Tempoh Kempen dari 28 November 2022 hingga 31 Disember 2022:

Amaun FD PLUS / DB-i (RM)	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)							
	Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (2 : 1)				Nisbah UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i (5 : 1)			
	Tempoh 3 Bulan		Tempoh 8 Bulan		Tempoh 3 Bulan		Tempoh 8 Bulan	
	FD PLUS	DB-i	FD PLUS	DB-i	FD PLUS	DB-i	FD PLUS	DB-i
10,000 hingga kurang daripada 300,000	4.25	4.55	3.80	4.10	8.65	8.95	5.45	5.75
300,000 dan ke atas	5.05	5.35	4.10	4.40	12.65	12.95	6.95	7.25

FD PLUS dan DB-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jadual B

- a) Nisbah 2 : 1 (UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i)

Produk yang Layak	Amaun Minimum (RM)		
	UA / Insurans / Takaful	FD PLUS / DB-i	Jumlah
UA / PB Smart Link / PB ExcelLink-i	20,000	10,000	30,000
PB Smart Elite	30,000	15,000	45,000

- b) Nisbah 5 : 1 (UA / Insurans / Takaful : FD PLUS / DB-i)

Produk yang Layak	Amaun Minimum (RM)		
	UA / Insurans / Takaful	FD PLUS / DB-i	Jumlah
UA / PB Smart Link / PB ExcelLink-i / PB Smart Elite	50,000	10,000	60,000

- 3.3 Bagi akaun bersama, pemegang akaun UA atau pemilik polisi Insurans atau pemilik sijil Takaful mestilah salah SEORANG daripada pemegang akaun FD PLUS / DB-i.

Terma Khusus bagi FD PLUS / DB-i

- 3.4 Semua wang atau dana yang diletakkan di bawah FD PLUS / DB-i mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk apa-apa wang atau dana yang bukannya daripada dana sedia ada dalam akaun deposit Peserta yang Layak sama ada dipegang secara bersendirian atau bersama-sama dengan orang lain dan disenggara dengan PBB/PIBB. Peserta yang Layak mesti membuat peletakan deposit dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh wang atau dana itu dipindahkan atau dikreditkan dalam akaun Peserta yang Layak, jika tidak wang atau dana itu tidak lagi dianggap “dana baharu”.
- 3.5 Peletakan DB-i hanya diterima pakai bagi pelaburan dalam Dana Unit Amanah Ekuiti / Berimbang / Aset Campuran Siri PB yang berasaskan Syariah atau caruman Takaful.
- 3.6 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan FD PLUS / DB-i dalam resit berganda (dalam amaun dan tempoh peletakan yang sama) dan peletakan mesti dibuat pada hari yang sama.

- 3.7 Peletakan FD PLUS / DB-i hanya untuk tempoh 3 bulan atau 8 bulan sahaja. Kadar faedah / keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Apabila matang, peletakan FD PLUS / DB-i itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 3 bulan atau 8 bulan pada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB/PIBB dengan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Konvensional / Islam ("CASA / CASA-i") yang ditetapkan milik Peserta yang Layak.
- 3.8 Faedah atau keuntungan (mana-mana yang berkenaan) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.9 Apabila matang, faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana-mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan dalam CASA / CASA-i yang ditetapkan milik Peserta yang Layak menurut peraturan pengendalian biasa PBB/PIBB bagi pengkreditan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i dalam CASA / CASA-i.
- 3.10 Peletakan deposit yang dibuat di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang tidak layak untuk mendapat apa juga faedah / keuntungan (mana-mana yang berkenaan).**

Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan FD PLUS / DB-i itu diperbaharui.

- 3.11 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam FD PLUS / DB-i **tidak** dibenarkan.
- 3.12 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan FD PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatangan yang dibenarkan bagi pemegang akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit berkenaan. PBB dan PIBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB/PIBB, mengikut keadaannya, berbeza daripada contoh tandatangan dalam sistem PBB/PIBB. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan yang dibenarkan yang mana tandatangan itu hendaklah mengikut contoh tandatangan dalam sistem PBB/PIBB.
- 3.13 Apa-apa peletakan deposit yang dibuat di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dicagarkan sebagai jaminan bagi apa-apa overdraf, kemudahan tunai-i, atau kemudahan atau pembiayaan lain.

Terma Khusus bagi UA

- 3.14 Peserta yang Layak dibenarkan untuk melabur dalam berbagai-bagai Dana yang Layak dengan syarat ia mesti dibuat pada hari yang sama di cawangan yang sama.

- 3.15 Pelaburan UA yang berikut TIDAK layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- a) Tukar ganti daripada dana beban dalam Dana yang Layak;
 - b) Pelaburan yang dibuat menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
 - c) Pelaburan yang dibuat melalui platform dalam talian seperti Public Mutual Online;
 - d) Pelaburan dalam Dana e-Siri PB; dan/atau
 - e) Pelaburan dalam dana Skim Persaraan Swasta (PRS).
- 3.16 Peserta yang Layak dianggap tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 3.2 (b) di atas sekiranya pelaburan dalam Dana yang Layak dibatalkan semasa “tempoh bertenang”. Dalam hal ini, kadar faedah / keuntungan bagi peletakan deposit di bawah FD PLUS / DB-i akan ditukarkan kepada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB/PIBB pada tarikh peletakan bagi tempoh FD PLUS / DB-i berkenaan.
- 3.17 PBB dan/atau PIBB tidak perlu memberi Peserta yang Layak notis terlebih dahulu mengenai pertukaran tersebut.
- 3.18 “Tempoh bertenang” merujuk tempoh selama enam (6) hari perniagaan mulai tarikh penerimaan borang permohonan pelaburan oleh dan pembayaran kepada Public Mutual Berhad (“PMB”). Tempoh bertenang itu hanya diterima pakai untuk Peserta yang Layak yang melabur dalam mana-mana UA dengan PMB untuk kali pertama.
- 3.19 Pelaburan UA juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PMB.

Terma Khusus bagi Insurans / Takaful

- 3.20 Pembelian Insurans / caruman Takaful di bawah Kempen ini hanya diterima pakai untuk pelanggan individu.
- 3.21 Peserta yang Layak dianggap tidak memenuhi kriteria yang dinyatakan dalam Perkara 3.2 (b) di atas sekiranya Insurans / Takaful (mana-mana yang berkenaan) dibatalkan semasa “tempoh percubaan”. Dalam hal ini, kadar faedah / keuntungan bagi peletakan deposit di bawah FD PLUS / DB-i akan ditukarkan kepada kadar faedah / keuntungan kaunter semasa PBB/PIBB pada tarikh peletakan bagi tempoh FD PLUS / DB-i berkenaan.
- 3.22 PBB dan/atau PIBB tidak perlu memberi Peserta yang Layak notis terlebih dahulu mengenai pertukaran tersebut.
- 3.23 “Tempoh percubaan” merujuk tempoh selama lima belas (15) hari mulai tarikh penerimaan dokumen polisi atau sijil, mengikut keadaannya, berkenaan dengan produk Insurans / Takaful, sama ada dalam salinan keras / e-Polisi / e-Sijil oleh Peserta yang Layak.

- 3.24 Pembelian Insurans / caruman Takaful juga tertakluk pada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh AIA Berhad atau AIA PUBLIC Takaful Berhad, mengikut keadaan.

Terma Lain

- 3.25 Deposit dalam FD PLUS / DB-i dan pelaburan / pembelian / pencaruman apa-apa Produk yang Layak di bawah Kempen ini tidak boleh diuntukkan atau digunakan untuk apa-apa kempen atau promosi lain.
- 3.26 Kempen ini tidak sah dengan kempen dan/atau promosi lain yang kini ditawarkan oleh PBB dan/atau PIBB.

4. Terma dan Syarat Am

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, FD PLUS dan DB-i (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat berkenaan). Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Produk yang Layak, FD PLUS dan DB-i, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh PBB dan PIBB dan keputusan PBB dan PIBB berkaitan dengan apa-apa perkara mengenai Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas mereka. PBB dan PIBB tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga.
- 4.3 Peserta yang Layak bersetuju dan memberi keizinan mereka kepada PBB dan PIBB untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan semua maklumat mereka berkaitan dengan Produk yang Layak, FD PLUS dan DB-i bagi tujuan Kempen ini.
- 4.4 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan mahupun menerima apa-apa liabiliti bagi apa-apa bentuk dan apa sekali pun yang timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh PBB/PIBB secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 PBB dan PIBB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang disiarkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.

- 4.6 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, PBB dan PIBB secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, waranti atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengedaran kepada apa-apa yang diterbitkan dalam media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.7 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara terma dan syarat ini dengan apa-apa bahan pengiklanan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkenaan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diterima pakai.
- 4.8 PBB dan PIBB berhak:
- a) untuk menambah, memotong atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak dengan memuat naik dalam laman web PBB/PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB/PIBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB/PIBB dari semasa ke semasa.
 - b) untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menamatkan Kempen ini sebelum berakhirnya Kempen ini, sepenuhnya atau sebahagiannya dengan memberi notis awal selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak dengan memuat naik dalam laman web PBB/PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB/PIBB atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh PBB/PIBB dari semasa ke semasa. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan atau penamatan tersebut tidak akan melayakkan Peserta yang Layak untuk apa-apa tuntutan atau ganti rugi terhadap PBB/PIBB bagi mana-mana dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang Layak.
 - c) untuk menyemak semula kadar faedah / keuntungan promosi di bawah Kempen ini dengan memberi notis awal kepada Peserta yang Layak dengan memuat naik dalam laman web PBB/PIBB, mempamerkan notis di cawangan PBB/PIBB atau apa juga kaedah seperti yang ditentukan oleh PBB/PIBB dari semasa ke semasa.
- 4.9 Terma dan syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.10 Peserta yang Layak boleh membaca Notis Kerahsiaan PBB/PIBB yang menyatakan bagaimana PBB/PIBB menggunakan maklumat Peserta yang Layak dalam laman web PBB/PIBB atau di mana-mana cawangan PBB/PIBB.